

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Tiap-tiap pertubuhan Islam Indonesia telah mengadakan bantahan kepada siaran “Jaksa Agung” Indonesia yang menegah mengadakan khutbah-khutbah siyasah di dalam masjid, surau, gereja dan sekolah-sekolah agama, sebagaimana yang disiarkan di sini dahulu. Barangkali kerana hebatnya bantahan itu maka “Jaksa Agung” menarik balik siaran itu dan mengeluarkan suatu siaran baharu yang menegah seseorang atau satu golongan menimbulkan perasaan permusuhan di dalam Indonesia.

Maksud surat siaran itu adalah menyatakan bahawa terbit daripada kejadian-kejadian yang berlaku mengenai dakyah-dakyah, langkah-langkah dan ucapan-ucapan daripada sesuatu golongan kepada golongan yang lain maka mustahak bagi kerajaan:

1. Mengawas di mana-mana jua supaya jangan berlaku permusuhan, kebencian atau kehinaan kepada pemerintah Indonesia, atau sesuatu golongan penduduk negara Indonesia di hadapan khalayak ramai.

2. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah mengikut undang-undang negeri.

3. Mengadakan (jika mustahak) tuntutan ke hadapan mahkamah kepada sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan yang tersebut.

Jika dahulunya perkara itu hanya dihadapkan kepada ahli-ahli agama maka sekarang hal itu dihadapkan kepada umum; dan dengan itu maka akhbar “*Abadi*” di dalam ulasannya berharap supaya perkara yang hangat itu dapat reda dan hilang sebab di Surabaya 20,000 telah berkumpul membantah!

Terbit daripada suatu kejadian ibu bapa seorang perempuan Melayu yang telah mati tidak membenarkan doktor memeriksa mayatnya maka sebuah akhbar Melayu tempatan telah

membuat satu rencana pengarangnya mengesyorkan supaya diadakan seorang doktor perempuan. Untuk menarik perhatian kemudiannya ia menghantar wakil-wakilnya “meninjau” fikiran yang dikatakan fikiran “raya”.

Di antara orang-orang yang memberi fikiran ialah A.Şadīq ‘Abd al-Ĥamīd seorang ahli Majlis Mesyuarat Bandar Raya Singapura yang berkata:

“Saya bersetuju sekiranya kerajaan mengadakan doktor perempuan untuk memeriksa mayat perempuan Islam. Pada sisi agama Islam, mayat perempuan itu kalau dipandang oleh seorang lelaki adalah haram.”

Kerana perkara ini perkara agama maka banyak orang bertanya dengan alasan apakah A. Şadīq berani menetapkan haram pada hal sekarang di dalam keadaan darurat?

Jika doktor perempuan apakah tidak haram memandang “aurat” yang tersembunyi sesama perempuan?

Adalah sangat mendukacitakan jika seseorang berani menghukumkan atas hukum-hukum agama pada hal ia bukan ahlinya – dan jika tahu pun tidak mahu mendatangkan suatu yang berfaedah iaitu menjauhkan perempuan daripada berdedah – bergaul dengan bukan mahramnya – apalagi kalau pada suatu masa menggalakkan langkah-langkah yang ‘asi.

Tuan Jāfar Al-Bār Pegawai Penerangan UMNO di dalam perjalanannya menjajah di Semenanjung Tanah Melayu tatkala sampai di Kuala Kangsar telah menyatakan bahawa UMNO akan membelakangkan agama, adalah pesona belaka. Katanya:

“Ada kebimbangan dan tuduhan-tuduhan yang bercorak pesona dan fitnah bahawa UMNO membelakangkan agama dan seterusnya kebimbangan itu berpanjangan dan merebak hingga ada

di antaranya mengatakan bahawa apabila Malaya merdeka kelak oleh perjuangan UMNO, Islam akan runtuh”.

Orang-orang tentu pelik melihat memerhati Pegawai Penerangan UMNO itu berkata bahawa “pesona sahaja yang UMNO membelakangkan agama”.

Peliknya ialah kerana ia seorang yang berpelajaran agama, yang dipercayai, cukup mengetahui sebab-sebab mengapa tuduhan terbit kepada UMNO membelakangkan agama. Tuduhan-tuduhan itu, menurut fahaman ini terbitnya daripada pengakuan dan kejadian yang berlaku di dalam UMNO sendiri iaitu: –

(1) Bahagian agama itu adalah ditujukan untuk menarik ahli sahaja – pengakuan Yang di-Pertuanya di hadapan orang-orang Masyumi yang melawatnya dan kejadian-kejadian yang dipandang dan berlaku dari satu ke satu masa.

(2) Loteri berjalan sehingga ada yang mengaku redha masuk neraka kerana menentang perintah Tuhan.

(3) Konsert dan seumpamanya serta pasar malam yang tidak putus-putusnya – bahkan pernah dianjurkan hendak mengadakan peraduan “gusti perempuan”.

Kalau dihitung banyak lagi perkara yang membelakangkan agama dan sebab itulah orang-orang bertanya adakah perkara yang terang dari siang itu pesona? Payah orang hendak menafikan hal ini – yang sebaik-baiknya, hendaklah diusahakan supaya lebih tepat dan lebih betul nyatakan sahaja kepada umum bahawa pertubuhan UMNO ialah pertubuhan kebangsaan – tidak kena mengena dengan agama. Bukankah lebih baik tunjukkan kepada ramai khidmat-khidmat agama yang telah dibuat oleh UMNO daripada mengata orang membuat pesona?

Menurut “Berita Indonesia” beberapa hari yang lalu Presiden Sukarno telah menetapkan pakaian rasmi bagi pegawai-pegawai perwakilan Indonesia di luar negeri kerana digunakan di dalam istiadat-istiadat rasmi.

Bagi lelaki ditetapkan pakaian “teluk belanga” dan bagi perempuan ialah pakaian kebaya. Ketetapan ini

dipandang mustahak kerana hingga sekarang tidak ada pakaian rasmi sehingga duta-duta Indonesia di dalam masa menyerahkan surat-surat kuasanya kepada kerajaan-kerajaan asing itu tidak sama, berlain-lain pakaiannya – kata akhbar itu.

Mudah-mudahan pakaian itu akan dijadikan pakaian rasmi juga di dalam negeri kerana sekarang pun di Indonesia di dalam istiadat-istiadat rasmi lebih gemar memakai pakaian-pakaian barat – tidak pakaian seperti itu – dikecualikan oleh beberapa orang.

Dalam Melayu Raya 10.7.53 Tuan Faḍlullāh Suḥaimī telah mengulas kedudukan penduduk yang berumah di kebun ubi Geylang Singapura. Di antara tulisan-tulisan itu ia menyatakan: tuan punya tanah atau waris-warisnya pun tidak patut memandang mereka dengan jelingan sahaja atau buat-buat tak tahu kerana berdalih itu bukan mereka punya tanggungan atau tuan punya tanah dan miliknya bebas menjualnya kepada siapa pun.

Kemudian ia pun membawa hadis menunjukkan kecelakaan orang-orang kaya yang tidak memperdulikan orang miskin. Daripada tujuan itu dapat difaham bahawa maksudnya “orang-orang hartawan” (ahli waris tanah kebun ubi) itu hendaklah menunjukkan belas kasihan kepada penduduk-penduduk di situ – memberi pengorbanan supaya penduduk-penduduk yang membuat rumah-rumah – bukannya sahaja yang telah lama di situ tetapi rumah-rumah baharu mendapat “ihsan” daripada ahli waris itu.

Kalau dipandang begitu sahaja tentu ada benarnya tetapi rupanya pendapatan itu kurang mendatangkan penyiasatan yang saksama. Daripada ahli-ahli waris atas tanah itu hanya beberapa orang sahaja yang hartawan sedang yang lainnya, kerana ikatan wasiat itu, keadaannya hampir-hampir lebih miskin daripada penduduk kebun ubi itu sendiri – banyak daripada mereka tidak mampu hendak berumah sendiri sebagai keadaan rumah orang-orang di kebun ubi itu. Yang demikian terjadi kerana hasilnya terlampau sedikit – bahkan ada yang tidak boleh berharap langsung daripada

(sambungan pada muka 43)

Sementara itu ‘alim ‘ulama masih sibuk dengan bertengkar-tengkar

dan menyalahkan puak itu dan mekhawarijkan puak ini

hatta ada yang menuduh yang lainnya tiada beragama dan sebagainya.

Golongan raja-raja, masih memandang serong dan cemburu kepada gerakan rakyat yang menuju kepada kemerdekaan negeri ini. Orang besar-besarnya sedang berusaha di antara sesamanya sambil mengepung dan menarik orang-orang yang dipandang setaraf dengannya dan pengampu-pengampu yang berharap nikmat daripadanya ke suatu lingkungan golongan atas untuk menindih yang di bawah.

Sekarang bangsa Melayu dan agama Islam sedang terancam dan gerakan mengancam itu telah berlaku dengan leluasa. Adakah semuanya ini diambil berat dan dirasa sedih dan sakitnya tiadalah diketahui akan tetapi sekiranya raja-raja dan orang-orang yang berketanggungan dalam agama, sebagaimana juga mereka yang banyak mengaku sebagai pemimpin bangsa tiada mengambil berat hal ini dan tiada berasa tanggungjawab, tiadalah diketahui siapakah yang bertanggungjawab di atas hal bangsa dan agama dengan sebenarnya.

JUBILEE CAFE & RESTAURANT

771 / 773 North Bridge Road,

Singapore 7.

Selazat-lazat kedai makanan Islam di Singapura

Bersih rehat di bandar

Harga berpatutan layanan tertib

Briyani ayam dan kambing

Dan serba-serbi kari Islam

Boleh menyediakan kerana jamuan-jamuan

SILALAH KE JUBILEE

Tuan-tuan puan-puan: Uthmān dan Sulṭān

(sambungan dari muka 6)

hasil estet itu sendiri.

Juga penulis itu nampaknya lupa bahawa tanah itu di dalam pajakan beberapa orang – orang-orang yang memajak itu yang membenarkan orang-orang mendirikan rumah dan “mengambil faedah” atasnya sedang “tuan tanah” hanya menerima apa yang dipajakkan sahaja – mereka tidak tahu menahu dengan rundingan mendirikan rumah yang berjalan terus hingga sekarang bahkan rumah-rumah buruk di tepi jalan besar telah diganti dengan rumah-rumah baharu di sebelah dalam sebab di tepi jalan diserahkan mereka kepada orang-orang Cina – siapa yang mendapat faedah?

Patut diingatkan bahawa tiap-tiap pemajak tanah itu pajakannya berhad kepada lima tahun – ertinya tiap-tiap lima tahun dibaharui. Dengan itu orang-orang yang mendirikan rumah-rumah di situ tidak ada perhubungan langsung dengan tuan tanah – mereka hanya berhubung dengan pemajak yang berhad kepada lima tahun itu sahaja. Dengan ini hendaklah tiap-tiap penulis jangan terus mendatangkan tuduhan bahawa semua waris tuan tanah itu hartawan kerana keadaan mereka banyak yang miskin – tidak dapat diharapkan kepada hasil yang diperoleh daripada tanah yang luas itu.

Telah berkata Siṭī Asmā’ binti Abī Bakr kepada Rasulu-
-llah (SAW): “Ibu saya, menyembah berhala, datang kepada
saya meminta pertolongan, bolehkah saya menolongnya?”

Rasulullah menjawab: “jangan engkau putuskan
perhubungan ibumu”.

(Bukhārī)

Jagalah kasih sayang bapamu, jangan engkau putuskan
(kerana kalau engkau putuskan) nescaya Allah padamkan
cahayamu, (yakni Allah jadikanmu hina).

(Bukhārī)